

JURNAL AKADEMIK

Abstract Of A Study Of Small And
Medium Industries In Sarawak

Dr. Ibrahim Shah
Nicholas Amin
Yap Yin
Iris Syawe Seh Ling

Malaysian Economy: Analysis Of
Performance In 1990, And Issues
Beyond

Annie Wong Muk Ngiik

Juruaudit Luaran Dan Juruaudit
Dalaman: Suatu Perbezaan

Shamsul Annuar Ahamad Ibrahim

Kursus Pra Perdagangan Di ITMCS
Suatu Tinjauan Ringkas Selepas
10 Tahun

Abdullah Abdul Latib

Pentadbiran: Dari Perspektif Islam
Dan Barat

Kamis Ismail

The Implications of NVC In The
Classroom

Ng Kui Choo

Aspek-Aspek Kemiskinan Di
Kalangan Setinggalan - Satu
Penyelidikan Khas Di Kampung
Baru Stutong, Tabuan Jaya, Kuching

Rosita Hj. Suhaimi

Kaji Selidik Kurikulum Diploma
Sains Kesetiausahaan

Lelawati Abd. Hamid

Keusahawanan Masyarakat Malaysia-
Ke Arah Kesepaduan Inisiatif
Usahawanan Dan Insentif Kerajaan

Mohamad Khairi Ismail

ISSN 0128-2635



ASPEK-ASPEK KEMISKINAN DI KALANGAN SETINGGAN - SATU PENYELIDIKAN KHAS DI KPG. BARU STUTONG, TABUAN JAYA, KUCHING

ROSITA HJ SUHAIMI

PENGENALAN

Fenomena kemiskinan biasanya berlaku di negara-negara Dunia Ketiga dan ada yang menganggap fenomena ini sebagai punca ketidak-puasan yang menyebabkan penyelewengan dari aspek sosial masyarakat. Malaysia, sebagai salah sebuah negara yang turut menghadapi fenomena ini telah menjadikan objektif pembasmian kemiskinan sebagai objektif yang pertama di dalam Dasar Ekonomi Barunya (1971 – 1990). Setakat ini, di Semenanjung Malaysia, kadar kemiskinan telah menurun dari 49.3% pada tahun 1970 ke 17.3% pada tahun 1987, di Sabah dari 58.3% pada tahun 1976 ke 35.3% pada tahun 1987 dan di Sarawak pula, kadar tersebut menurun dari 56.3% ke 24.7%.

Walau bagaimanapun, wujud pula masalah migrasi di kalangan pemuda-pemudi dari luar bandar ke bandar. Ini telah menyebabkan lebih penawaran di pasaran buruh yang mengakibatkan masalah pengangguran di bandar. Apabila jumlah penduduk yang kian bertambah ini berterusan, timbul pula masalah kekurangan kemudahan tempat tinggal. Maka, wujudlah masyarakat setinggan di bandar-bandar. Sehubungan dengan ini, satu penyelidikan telah dibuat di Kpg. Stutong Baru, salah sebuah daripada perkampungan setinggan di Bandar Kuching Selatan. Kajian Penyelidikan ini telah dilakukan bersama oleh tiga orang pensyarah I.T.M. Cawangan Sarawak iaitu Cik Wee Chong Hui, Puan Wong Muk Ngik dan penulis sendiri pada tahun 1989. Oleh itu, penulisan ini adalah merupakan satu ringkasan kepada laporan penyelidikan tersebut.

LATAR BELAKANG

Kampung Stutong Baru ialah sebuah perkampungan setinggan yang terletak di dalam 2 batu radius dari Bandar Kuching Selatan. Kampung ini adalah seluas 0.1 kilometer per segi yang mana dimiliki oleh Jabatan Kastam dan Eksais Malaysia. Ianya juga berdekatan dengan Kompleks Polis Tabuan Jaya dan juga kawasan perumahan seperti Tabuan Dusun dan Tabuan Laru.

Masyarakat setinggan mula bertapak di Kpg. Baru Stutong pada tahun 1980 dan ketika itu mereka merupakan pekerja-pekerja yang terlibat di dalam pembinaan kompleks polis yang kini berhadapan dengan perkampungan setinggan tersebut. Sebanyak 233 buah rumah setinggan telah didirikan pada tahun 1986 dan kini hampir 500 buah rumah sedang bertapak di kawasan tersebut. Kebanyakan daripada mereka berbangsa Cina, Iban dan Bidayuh. Di samping itu, ada tiga buah perkumpulan yang wujud di sini iaitu Jawatankuasa Kampung, Persatuan Kebajikan dan Serakup Induk Dayak Sarawak.

OBJEKTIF

Umumnya, objektif kajian ini adalah untuk meninjau kewujudan fenomena kemiskinan di kalangan setinggan di kawasan ini dan meneliti perhubungan di antara pelbagai aspek kemiskinan seperti pendapatan, perbelanjaan, keadaan zat makanan, kemudahan asas seperti air paip, elektrik dan perumahan. Secara spesifik pula, tujuan penyelidikan ini adalah seperti berikut:

- (a) untuk mengetahui pendapatan isi rumah dan melihat kesan pelajaran dan mas atau jangkamasa tinggal di perkampungan setingga ke atas tingkat pendapatan isi rumah.
- (b) untuk mengkaji corak perbelanjaan dan kesan tingkat pendapatan ke atas corak perbelanjaan isi rumah.
- (c) untuk menilai tahap zat pemakanan dan menganalisa kesan tingkat pendapatan dan perbelanjaan ke atas tahap zat pemakanan terutama sekali bagi yang kurang daripada tahap zat pemakanan yang minima.
- (d) untuk meninjau kemudahan asas yang ada dan melihat perhubungan di antara kemudahan asas dengan tingkat pendapatan isirumah dan
- (e) untuk mendapat maklum-balas mengenai program perpindahan semula bagi masyarakat setingga.

METODOLOGI

Borang soal-selidik digunakan untuk mengutip data dari rumah ke rumah dari bulan Mei ke bulan Jun pada tahun 1989. Rumah-rumah ini dipilih mengikut cara stratifikasi rambang bagi kaum etnik yang utama seperti kaum Cina, Iban dan Bidayah manakala kesemua rumah Melayu diambil sebagai sampel kerana hanya 8 buah rumah Melayu di kawasan tersebut. Oleh itu, secara keseluruhannya, jumlah sampel penyelidikan ini terdiri daripada 195 buah rumah yang mewakili 40% daripada jumlah penduduk di kawasan Kpg. Stutong Baru.

Selain daripada borang soal-selidik, maklumat juga diperolehi daripada ahli jawatankuasa Persatuan Kebajikan, Ketua Kampung serta ahli-ahli jawatankuasa persatuan lain. Ini dikuatkan lagi dengan maklumat dari pemerhatian pihak penemuramah secara berkumpulan yang dibandingkan pula dengan pemerhatian para penyelidik sendiri. Pegawai Jabatan Tanah dan Ukur serta Jabatan Polis Diraja Malaysia turut menyumbangkan maklumat mengenai kawasan tersebut.

PENEMUAN PENYELIDIKAN

Hasil daripada penyelidikan ini, didapati 82.26% daripada pendapatan purata isirumah adalah dari gaji melalui pekerjaan dengan majikan sama ada dalam bentuk tunai atau barang-barang. Lain-lain sumber pendapatan adalah dari "sewa tertaksir" bagi rumah yang didiami oleh pemilik sendiri, pendapatan dari pekerjaan sendiri dan bayaran pindah seperti pencen, biasiswa dan hadiah. Pendapatan purata isirumah ialah \$689.73 sebulan dan ini ternyata lebih tinggi daripada pendapatan garis kemiskinan iaitu \$429 bagi Sarawak yang digunakan semasa kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kelima. Kedudukan yang lebih baik ini mungkin disebabkan saiz purata isi rumah yang kecil iaitu 4.4 orang seisirumah berbanding dengan saiz purata isirumah yang lebih besar di Sarawak iaitu 5.24 orang. Walau bagaimanapun masyarakat setingga di sini tidak mempunyai agihan pendapatan yang sama rata. 34.87% daripada 195 isirumah menerima pendapatan kurang dari \$500 sebulan. Adalah lebih menyedihkan lagi apabila didapati yang pendapatan tidak ada kesan ke atas pemakanan yang berzat. Isirumah yang mempunyai pendapatan lebih dari \$500 sebulan, hanya memperuntukkan 50.22% daripada perbelanjaan untuk makanan, manakala golongan yang berpendapatan diantara \$250 dan \$500 membelanjakan 51.77% untuk makanan. Oleh itu, ramai kanak-kanak yang berumur di bawah 12

tahun mengalami kekurangan zat makanan yang minima terutama sekali kanak-kanak yang berbangsa Iban walaupun isirumah Iban mencatat pendapatan purata yang tertinggi iaitu \$706.64 sebulan. Penyelidikan ini juga mendapati faktor pelajaran dan jangka masa tinggal di perkampungan setinggian ini tidak ada kesan langsung terhadap pencapaian tingkat pendapatan keluarga.

Dari segi kemudahan asas seperti air paip, penduduk di kampung Baru ini nampaknya tidak meruncing. Seramai 69.7% daripada mereka mempunyai kemudahan tersebut yang mana tidak jauh bezanya dengan taraf rumah-rumah biasa (bukan setinggian). Di Sarawak hanya 73.2% sahaja isirumah yang mempunyai kemudahan air paip. Terdapat satu perhubungan yang menarik di antara pendapatan dan daya memperolehi air paip ke rumah masing-masing. Kebanyakan daripada isirumah berpendapatan tinggi mendapat kemudahan air paip, manakala bagi golongan yang berpendapatan rendah didapati berkurangan.

Kemudahan bekalan letrik di kawasan ini agak meluas iaitu 89.3%. Peratusan ini ternyata lebih tinggi daripada bekalan letrik di kawasan setinggian lain. Bagi yang berpendapatan rendah pula, mereka hanya menggunakan lampu gas dan minyak tanah.

Seramai 91.84% daripada 195 buah isirumah yang ditinjau memiliki atau membuat sendiri rumah setinggian di situ. Kos purata bagi membina sebuah rumah di situ ialah \$3,761.61 dan bagi yang membeli pula, harganya lebih-kurang agak sama iaitu \$3,501.25. Walau bagaimanapun, adalah amat menyedihkan untuk mengetahui kos menyediakan rumah bagi setiap orang ialah \$771.01 di kawasan setinggian ini, yang mana kira-kira 7 kali lebih rendah daripada kos menyediakan rumah seseorang di rumah kos rendah setingkat berderet. Ini jelas menunjukkan taraf hidup yang jauh lebih berbeza. Walau bagaimanapun, walaupun kos ini rendah tetapi ianya merupakan satu perbelanjaan yang sia-sia memandangkan statusnya sebagai rumah setinggian. Secara puratanya, kebanyakan daripada setinggian ini menduduki kawasan yang kurang dari 49 meter persegi. Tandas yang digunakan kebanyakannya tandas curah. Keadaan kemiskinan ini ditambah pula dengan sistem pembuangan sampah di sebuah longkang besar yang berdekatan dengan rumah setinggian ini. Apabila tiada hujan, terutama sekali semasa musim kemarau, kesan pembuangan sampah ini mengakibatkan pencemaran alam sekeliling.

Taraf kehidupan setinggian sama ada berubah atau tidak bergantung kepada diri mereka sendiri dan juga bantuan kerajaan. Apabila disoal berkenaan dengan keinginan untuk berpindah ke tempat lain, hanya 25 orang sahaja yang mempunyai keinginan untuk berpindah yang mana kebanyakannya terdiri daripada lingkungan umur 20 hingga 29 tahun. Walau bagaimanapun, keinginan ini hanyalah hasrat di hati sahaja kerana mereka tidak pasti ke mana destinasi mereka yang sebenarnya.

Hasil dari penyelidikan kami juga mendapati tidak semua responden bersetuju menerima rancangan pemindahan semula jika kerajaan menawarkannya. Seramai 495 daripada 537 orang (berumur 15 tahun ke atas) bersetuju menerima rancangan pemindahan semula ini manakala terdapat 38 orang lagi tidak setuju untuk menerima tawaran kerajaan ini. Kami juga mendapati faktor keupayaan kewangan keluarga tidak ada pengaruh terhadap keputusan untuk menerima atau menolak program pemindahan semula. Oleh itu, ternyata sekali penerimaan atau penolakan dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti tidak mahu menerima tempat baru atau merasa lebih ekonomikal tinggal di perkampungan setinggian.

KESIMPULAN

Penyelidikan ini menganalisa pelbagai aspek kemiskinan termasuk pendapatan, perbelanjaan, zat pemakanan dan kebolehan mendapat kemudahan serta hubungkaitnya di kalangan para setinggan di kawasan tersebut. Dengan menggunakan konsep Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) sebanyak \$500 seisirumah bagi sebulan, kewujudan kemiskinan adalah pada tahap 34.87% di mana makanan menjadi perbelanjaan utama mereka iaitu setengah daripada belanjawan isirumah. Walau bagaimanapun, mereka mempunyai keupayaan yang tinggi untuk mendapat air paip, kuasa elektrik dan rumah.

Oleh itu, jika kerajaan menawarkan program pemindahan semula, ramai yang mahu menerima tawaran ini dengan bayaran kira-kira \$100 sebulan bagi isirumah Cina dan Bidayuh dan \$50 sebulan bagi isirumah Iban.

Sementara menunggu pemindahan semula, program-program kesihatan harus dijalankan demi untuk menjaga kebersihan dan kesihatan penduduk di sini. Ianya haruslah meliputi aspek zat pemakanan kerana didapati ramai yang tidak mengetahui cara atau kaedah memperolehi zat makanan yang betul.

Seterusnya, mana-mana program yang berkenaan dengan penduduk setinggan harus juga melibatkan mereka dari segi rekabentuk, membuat keputusan dan pelaksanaan program. Ini adalah untuk memudahkan proses pembangunan yang berterusan di kawasan-kawasan yang memerlukan perhatian bagi tindakan selanjutnya.

BIBLIOGRAFI

- (1) Abrams, Charles, **Housing in the Modern World**, London, Faber and Faber, 1964.
- (2) **Nutrient Composition of Malaysian Foods, 1988**
Government printers.
- (3) **Report on the Survey of Squatters in Miri and Lutong**
Department of Land and Survey, Sarawak.
- (4) **Annual Statistical Bulletin, Sarawak 1988**
Department of Statistics, Malaysia.
- (5) **Report of Household Expenditure Survey, Peninsular Malaysia (1980), Sabah and Sarawak (1982)**
Government printers.
- (6) **State Housing Report 1989**
Government printers.
- (7) **Malaysia, Mid-term Review of the Fifth Malaysia Plan 1986-1990**
Government printers
- (8) **Economic Report 1988/1989 Malaysia**,
Ministry of Finance.
- (9) **Kajian Sosio-ekonomi Golongan Setinggan di Bintulu, Bahagian Keempat Sarawak**,
Socio-economic Research Unit, Prime Minister's Department.
- (10) Wee C.H, Wong M.N and Rosita Hj. Suhaimi
Multi-dimensional aspects of Poverty and their linkages amongst squatters in Kampung Baru Stutong, Tabuan Jaya, Kuching.
ITM Cawangan Sarawak, 1989.
- (11) Wee Kim Peng, David "squatters in Kuching (A Case Study on Attap Pah Squatter Settlement from Socio-economic and demographic aspects)".
Department of Population Studies, University of Malays, 1981.